

Karya:

**HASSAN BIN AHMAD BIN
HASSAN HUMAM**

MERAWAT PENYAKIT DENGAN BERSEDEKAH

Terjemahan daripada buku *الذلاوي بالصدقة*

Diterjemah oleh : **Mohd Rodzi Bin Abu Bakar**

Disemak oleh : **Mohd Hamim Bin Semaon**



Diterbitkan Oleh :



PEDULI INSAN
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA
PPM-028-10-29082018

Terbit edisi e-buku Ogos 2021
@Pertubuhan Peduli Insan Malaysia



Tajuk asal : Al-Tadawi bi al- Sodaqoh
Pengarang : Hassan bin Ahmad bin Hassam Humam
Penterjemah : Mohd Rodzi bin Abu Bakar
Penyunting : Mohd Hamim bin Semaon
Reka bentuk kulit dan atur huruf : Saifullah bin Ahmad

Diterbitkan oleh :
Pertubuhan Peduli Insan Malaysia
38, Jalan Bola Tampar 13/14, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor

Pra Kata Penterjemah

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam buat junjungan Nabi s.a.w, kaum keluarga Baginda serta para sahabatnya yang sentiasa berjuang bagi menegakan agama seterusnya kepada para pengikut jalan yang lurus ini sehingga ke hari kebangkitan.

Merawat penyakit dengan bersedekah adalah salah satu kaedah yang dipetik dari hadis Baginda Nabi, kenyataan ini bukan bermaksud kita menolak cara perawatan dengan menggunakan ubat-ubatan dan sebagainya. Kaedah bersedekah dengan niat dan harapan agar Allah membebaskan kita dari penyakit dan marabahaya adalah salah satu usaha dari kita sebagai hamba. Dalam pada masa yang sama ikhtiar dengan cara mengambil ubat-ubatan juga tidak dikesampingkan.

Buku ringkas ini diterjemahkan dari buku asal yang berjudul التداوي بالصدقه. Terjemahan yang diusahakan ini menggunakan bahasa yang mudah difahami. Dan ringan untuk dijadikan sebagai bahan bacaan santai yang berilmiah.

Atas nama sebagai penterjemah, saya merakamkan penghargaan terima kasih khususnya kepada sahabat saya, Ustaz Mohd Hamim bin Semaon yang telah sudi untuk menyemak terjemahan ini seterusnya memperbetul serta menambah nilai kepada kualiti penterjemahan.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak yang tidak mungkin untuk dicatat nama-nama secara satu persatu. Semoga Allah mengganjari usaha yang kalian sumbangkan.

Semoga bacaan ringkas ini akan memberi kebaikan kepada kita, sekiranya terdapat kesalahan mohon untuk diperbertulkan. Kepada Allah kita bermohon semoga amal kecil ini menjadi kebajikan di sisiNya.

Mohd Rodzi bin Abu Bakar

Pembuka Kata

Segala pujian yang melimpah ruah, mulia dan diberkati adalah milik Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi dan Rasul terakhir, pembawa rahmat yang dibimbing oleh hidayah untuk seluruh alam semesta, iaitu Nabi Muhammad s.a.w, seisi keluarga dan seluruh para sahabatnya.

Di antara perkara yang menjadi kepercayaan orang Islam ialah berikhtiar melalui sebab-sebab yang beriringan dengan penyerahan natijah kepada Allah (tawakkal) bersama rasa optimis kepadaNya.

Allah s.w.t tidak menciptakan sesuatu penyakit melainkan Dia ciptakan bersamanya ubat dan penawar. Perkara ini diketahui oleh mereka yang tahu, dan tidak diketahui oleh mereka tidak punya ilmu yang berkaitan. Di antara sebab-sebab yang mungkin tidak mencetus minat dan perhatian kebanyakan manusia ialah merawat penyakit dengan bersedekah. Hakikatnya, sedekah memiliki rahsia yang menakjubkan dalam memberikan kesembuhan penyakit – dengan izin Allah juga. Hakikat ini adalah realiti yang telah dialami, seperti kata-kata Ibn Al-Qayyim r.a:

“Sesungguhnya Allah menghilangkan pelbagai jenis penyakit dengan sedekah. Ia diketahui oleh segenap lapisan manusia. Mereka memperakuiinya kerana telah mengalami pengalaman tersebut.”

Bertitik tolak dari idea ini, penulis mempersembahkan sebuah penulisan yang sederhana untuk mereka yang mencari-cari sebab-sebab untuk keelokan diri dan kekuatan iman. Penulis memohon kepada Allah ta'ala kejayaan, ketepatan idea dan kebenaran. Penulis mengakhiri ucapan aluan ini dengan lafaz segala pujian adalah milik Allah, Tuhan Penguasa alam semesta.

Penyusun

Asal-Usul Perkataan 'Sedekah'

Dari sudut bahasa, sedekah (sebutan asalnya: as-sodaqah – الصَّدَقَةُ) ialah kata nama yang merujuk kepada sesuatu yang disedekahkan. Perkataan sedekah berasal dari komponen huruf (ص د ق). Istilah ini dikaitkan dengan perkataan *al-sidq* (الصدق) yang bermaksud benar kerana perbuatan sedekah menggambarkan kebenaran kehambaan seseorang kepada Allah s.w.t.

Pengertian Sedekah

Menurut **Al-Jurjani** (w: 816 h), sedekah bererti suatu pemberian yang diharapkan darinya ganjaran pahala di sisi Allah.

Ar-Raghib Al-Asfihani (w: 502 h) pula berkata, sedekah bermaksud harta yang dikeluarkan oleh manusia dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah, seperti zakat. Secara asalnya, perkataan sedekah merujuk kepada derma sunat manakala istilah zakat pula bermaksud pemberian harta yang wajib.

Imam An-Nawawi (w: 676 h) menjelaskan, perbuatan memberi dipanggil sedekah kerana ia melambangkan kepercayaan pelakunya (terhadap ganjaran Allah) serta ketulenan imannya secara zahir dan batin. Justeru, sedekah adalah tanda kepercayaan kepada balasan Allah dan ketulenan iman.

Pandangan Generasi Salaf¹ Terhadap Sedekah

Saidina Umar bin Al-Khattab r.a (w: 23 h) berkata :

"Sesungguhnya segala amalan yang soleh akan saling berbangga (di akhirat kelak). Dan amalan sedekah akan berkata, 'aku adalah amalan yang paling utama.'" ²

¹ Generasi Salaf ialah merujuk umat Islam yang hidup dari tahun nabi Muhammad dilantik menjadi Rasul sehingga ke tahun yang ke-300 hijrah.

² Ihya' Ulum Ad-Din, 1/226

Abdul Aziz bin `Umair berkata:

“Amalan solat akan membawa engkau ke separuh jalan. Amalan puasa pula akan membawa engkau sehingga ke pintu Raja (Tuhan). Manakala amalan sedekah akan memasukkan engkau ke dalam (rahmat-Nya).”³

Ibnu Abi Al-Ja’ad (w: 100 h) berkata:

“Sesungguhnya amalan sedekah dapat menutup 70 pintu keburukan.”⁴

Yahya bin Muaz (w: 258 h) berkata:

“Aku tidak aku tahu sebiji benih yang boleh bertukar menjadi seberat gunung-gunang melainkan ganjaran dari amalan sedekah.”⁵

Asy-Sya`bi (w: 105 h) berkata:

“Sesiapa yang tidak merasa dirinya perlu kepada ganjaran pahala lebih dari seorang fakir perlu kepada pemberian sedekah, ia sebenarnya telah membatalkan pahala sedekahnya dan amalannya akan dilempar ke atas mukanya.”⁶

Al-Laith bin Saad (w: 175 h) berkata:

“Sesiapa yang menerima sedekah atau hadiah dariku, maka ia telah melakukan jasa yang besar kepadaku, kerana dia telah menerima sumbanganku yang boleh mendekatkan diriku kepada Allah s.w.t.”⁷

Al-Fudhail bin `Iyadh (w: 187 h) berkata kepada mereka yang menerima sedekah:

“Mereka ini telah membawa bekalan akhirat kita tanpa dibayar upah dan akan meletakkannya di atas timbangan di sisi Allah s.w.t.”⁸

Ali bin Abi Talib r.a (w: 40 h) berkata:

“Sesiapa yang dikurniakan harta benda, maka gunakan ia untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan, melayan tetamu dengan baik, membebaskan tawanan perang, membantu musafir yang terputus bekalan perjalanan, membantu orang miskin, golongan fakir dan pejuang di jalan Allah. Dia hendaklah bersabar di atas ujian harta. Sesiapa yang memiliki ciri-ciri tersebut akan mencapai kemuliaan

3 Ihya Ulum Ad-Din, 1/226

4 Ihya Ulum Ad-Din, 1/226

5 Ihya Ulum Ad-Din, 1/226

6 Ihya Ulum Ad-Din, 1/226

7 At-Tirajah Ar-Rabihah, 38

8 At-Tijarah Ar-Rabihah, 38

di dunia dan keagungan di akhirat.”⁹

Abu Hatim Ar-Razi (w: 277 h) berkata:

“Sifat kedekut umpama sebatang pokok di dalam neraka. Dahan-dahannya menjalar ke dunia. Sesiapa yang berpaut di dahannya, dia akan ditarik ke dalam neraka. Sifat pemurah pula umpama sebatang pokok di dalam syurga. Dahan-dahannya menjalar ke dunia. Sesiapa yang berpaut di dahannya, ia akan ditarik masuk ke dalam syurga. Syurga adalah tempat tinggal orang-orang yang pemurah.”¹⁰

Seorang lelaki yang soleh pernah didatangi orang miskin lalu meminta sedekah kepadanya. Ia berkata: “Selamat datang kepada orang yang akan membawa bekalan kami kepada Allah.” Maksud bekalan di sini ialah kebaikan dan amalan yang boleh mendekatkan diri kepada keretaan Allah s.w.t.

Ganjaran Dan Kebaikan Sedekah

Amalan sedekah mempunyai fadhilat yang besar dan ganjaran yang melimpah di dunia dan akhirat. Fadhilat ini hanya dinikmati oleh mereka yang diberi tawfiq¹¹ dan dikehendaki oleh Allah melakukan amalan bersedekah.

Di antara kebaikan dan kelebihan sedekah ialah:

1) Sedekah Adalah Penyucian Dan Pembersihan

Allah berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat),

9 Rawdhah Al-Uqala` Wa Nuzhat Al-Fudhala`, 236

10 Rawdhah Al-Uqala` Wa Nuzhat Al-Fudhala`, 238

11 Tawfiq bererti Allah memudahkan seseorang untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.

supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui ¹².

Maksud ‘membersihkan’ ialah membersihkan diri dari dosa-dosa dan sifat kedekut.

Maksud ‘mensucikan’ ialah menghiasi diri dengan kemuliaan akhlak dan kebaikan.

Justeru, sedekah adalah pembersihan dan penyucian diri, melupakan dosa dan mengangkat kedudukan di sisi Allah.

2) Sedekah Adalah Sahutan Terhadap Seruan Allah Dan RasulNya.

Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَهِ تَحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila Ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna; dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNya kamu akan dihimpunkan ¹³.

12 Surah At-Tawbah : 103

13 Surah Al-Anfal : 24

Allah berfirman lagi:

أَسْتَجِيبُوا لِرَبِّكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا مَرَدَّ لَهُ مِنَ اللَّهِ مَا لَكُم مِّن
مَّالٍ يَوْمَئِذٍ وَمَا لَكُم مِّن نَّكَيرٍ ﴿٤٧﴾

Sahut dan sambutlah seruan Tuhan kamu (yang mengajak kamu beriman), sebelum datangnya dari Allah - hari yang tidak dapat ditolak; pada hari itu tidak ada bagi kamu tempat berlindung (dari azabNya), dan tidak ada pula bagi kamu sebarang alasan untuk menafikan (kesalahan yang kamu telah lakukan)¹⁴.

Orang yang beriman dan bertaqwa akan menyahut seruan Allah dengan segera. Justeru, bersedekah adalah salah satu dari seruan Allah dan manusia digalakkan untuk melakukannya.

Allah berfirman:

قُلْ لِّعِبَادِيَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خِلَالٍ ﴿٣٦﴾

Katakanlah kepada hamba-hambaKu yang beriman hendaklah mereka mendirikan sembahyang dan mendermakan dari apa yang kami kurniakan kepada mereka, sama ada dengan merahsiakan pemberiannya itu atau dengan terbuka; sebelum datangnya hari yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada sahabat handai (yang dapat memberikan pertolongan)¹⁵.

Allah menjelaskan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ
فِيهِ وَلَا خِلَّةٍ وَلَا شَفِيعَةً ۚ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari

14 Surah Asy-Syura : 47

15 Surah Ibrahim : 31

apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada jual-beli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim¹⁶.

Seterusnya Allah berfirman:

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ
لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh." ¹⁷

3) Orang Beriman Akan Berada Di Bawah Teduhan Sedekahnya Di Hari Kiamat

Hari kiamat adalah hari yang akan disaksikan oleh seluruh makhluk. Pada hari itu, bayi akan beruban, matahari menjadi dekat dengan kepala manusia dan peluh akan bercucuran sehingga ada manusia yang tenggelam dalam peluh yang melimpah.

Abu Hurairah r.a meriwayatkan sebuah hadith Nabi s.a.w:

يَعْرِقُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّىٰ يَذْهَبَ عَرْقُهُمْ فِي الْأَرْضِ سَبْعِينَ ذِرَاعًا،
وَيُلْجِمُهُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَذَانَهُمْ.

Maksudnya:

"Manusia akan berpeluh pada hari kiamat sehingga peluh mereka meresap ke dalam bumi sedalam 70 hasta. Peluh tersebut menenggelamkan mereka ke

16 Surah Al-Baqarah : 254

17 Surah Al-Munafiqun : 10

*paras mulut dan telinga.”*¹⁸

Ibnu Hajar Al-`Asqalani (w: 852 h) mengulas hadis ini dengan katanya:

“Sesiapa yang menilik keadaan akhirat yang disebutkan oleh hadith, ia akan memahami betapa kelam- kabutnya keadaan di hari itu. Ia berpunca oleh api neraka yang melingkari padang mahsyar dan matahari yang berada dekat dengan kepala manusia sejauh 1 mil¹⁹. Bayangkan bagaimana suhu kepanasan bumi ketika itu? Berapa banyak peluh yang terserap ke dalam bumi sedalam 70 hasta itu? Setiap manusia pada hari itu hanya mampu berdiri di atas ruang sebesar dua tapak kakinya sahaja. Bayang, betapa sukarnya situasi ditenggelami peluh sambil bersesak-sesak dengan manusia yang ramai. Sesungguhnya situasi tersebut sangat membingungkan akal dan memiliki tanda-tanda keagungan kuasa Tuhan.”²⁰

Pada hari itu, manusia sangat memerlukan teduhan yang boleh melindunginya. Ketika itu amalan sedekah boleh memberikan teduhan kepada pelakunya.

Uqbah bin `Amir r.a (w: 58 h) berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

*“Setiap orang akan menanti di bawah lembayung sedekahnya sehinggalah ia dipanggil untuk dibicarakan di antara manusia.”*²¹

Seorang perawi bernama Abu Al-Khair – yang meriwayatkan hadith ini – dilaporkan tidak pernah terlepas dari bersedekah setiap hari walaupun hanya dengan sepotong kuih atau sebiji bawang.

Di dalam hadis yang menerangkan tentang tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah di padang mahsyar, ada menyenaraikan *“orang yang bersedekah lalu menyembunyikan sedekahnya sehingga ia tidak diketahui orang lain.”*²²

18 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 6532

19 Menurut sesetengah ulama, kadar 1 mil menyamai jarak sejauh 3710 meter. Lihat *Tuhfat Al-Ah-wazi Bi Syarh Jami` At-Tirmizi*, 7/89. *Al-Makayil Wa Al-Mawazin Asy-Syar`iyyah*, 53

20 Fath Al-Bari, 11/395

21 Sahih Ibn Khuzaimah, No. Hadith 2431

22 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 1423

4) Sedekah Menolak Keburukan Dan Mengelak Kematian Yang Buruk

Sedekah boleh memberikan kesan yang positif kepada pelakunya. Antaranya ia boleh mengelak pelakunya dari keburukan dan bahaya.

Abu Umamah Al-Bahili r.a (w: 86 h) menceritakan sebuah hadith Nabi s.a.w :

"Perbuatan yang baik dapat memelihara diri dari kematian yang buruk. Bersedekah secara rahsia akan memadam kemurkaan Tuhan. Menyambung hubungan kekeluargaan akan memanjangkan usia." ²³

Ibn Abi al-Ja`ad (w: 100 h) berkata:

"Sesungguhnya sedekah dapat menolak 70 pintu keburukan."

Selain itu, sedekah juga dapat memelihara pelakunya dari pengakhiran hidup yang buruk. Ini berdasarkan laporan Anas bin Malik r.a (w: 90 h) yang meriwayatkan sebuah hadith Nabi s.a.w:

"Sesungguhnya sedekah dapat memadam kemurkaan Allah dan melindungi diri dari pengakhiran hidup yang buruk." ²⁴

Ibn Al-`Arabi Al-Maliki (w: 543 h) mengulas: "

Hakikat pengakhiran hidup yang buruk ialah mati ketika mengerjakan maksiat."

Syaikh Al-Mubarakfuri (w: 1353 h) menukilkan pandangan Al-Hafiz Al-Iraqi yang berkata:

"Maksud kematian yang buruk ialah kematian yang pernah Nabi s.a.w minta perlindungan darinya seperti mati di bawah runtuhan, terjatuh dari tempat yang tinggi, lemas di dalam air, terbakar, diganggu syaitan ketika nazak dan terbunuh ketika lari dari medan perang." ²⁵

Justeru, renungkanlah wahai saudaraku akan kelebihan sedekah serta kesan-kesan baiknya dalam bentuk pengakhiran hidup yang baik (husn al-khatimah) serta pemeliharaan diri dari bencana dan kemudaratan.

23 Al-Mu`jam Al-Kabir, No. Hadith 8014

24 Sunan At-Tirmizi, Hadith No. 664

25 Tuhfat Al-Ahwazi, 2/330

5) Sedekah Adalah Bukti Ketulenan Iman

Hal ini bertepatan dengan kenyataan Nabi s.a.w dalam sebuah hadith:

*"Bersuci itu separuh dari iman. Pahala ucapan 'Alhamdulillah' memenuhi neraca timbangan (di akhirat). Ucapan 'Subhanallah' dan 'Alhamdulillah', pahala kedua-duanya atau setiap satunya memenuhi ruangan di antara langit dan bumi. Sembahyang itu cahaya. Sedekah itu bukti (keimanan). Sabar itu sinaran cahaya. Al-Quran itu menjadi hujah untuk kamu (menyebelahi dan membela kamu) ataupun hujah ke atas kamu (menentang kamu). Setiap manusia keluar pada waktu pagi untuk melakukan urusan kehidupan. Ia sama ada membebaskan dirinya (dari kehinaan di dunia dan azab di akhirat), atau membinasakan dirinya (dengan menyerahkan diri kepada nafsu dan syaitan)."*²⁶

Imam An-Nawawi r.a (w: 676 h) memberikan ulasannya ke atas perkataan burhan (برهان), katanya:

*"Sedekah adalah bukti dan tanda keimanan pelakunya. Namun perkara ini tidak akan dilakukan oleh orang munafik kerana mereka tidak meyakini kelebihan sedekah. Justeru amalan bersedekah adalah bukti ketulenan iman pelakunya."*²⁷

Sabdaan Nabi yang berbunyi "sedekah adalah bukti (keimanan)" الصدقة (برهان) menunjukkan bahawa sedekah mempunyai kaitan yang penting dengan akidah orang Islam. Ia bukan sekadar perbuatan memberikan sejumlah harta kepada pihak yang memerlukan atau semata-mata menyantuni golongan penerima atau memenuhi keperluan mereka sahaja.

6) Sedekah Membebaskan Muslim Dari Belenggu Dosa

Belenggu orang beriman ialah dosa-dosa dan kesalahannya. Kebanyakan kita tentunya mempunyai belenggu dosa dan maksiat. Justeru, setiap muslim sangat perlu kepada perkara yang dapat membebaskan diri dari belenggu tersebut. Di antaranya adalah dengan bersedekah.

Dalam sebuah hadis, Baginda Nabi s.a.w pernah menceritakan tentang pesanan nabi Yahya a.s:

²⁶ Sahih Muslim, No. Hadith 223

²⁷ Syarah Sahih Muslim, 3/101

*"Aku perintahkan kalian supaya bersedekah. Perumpamaan sedekah adalah seperti orang yang ditawan musuh. Tangan mereka diikat ke lehernya, lalu dibawa untuk dihukum bunuh. Ia kemudian merayu kepada musuhnya: "Aku menebus hukuman ini dengan yang harta yang sedikit dan harta yang banyak (segala harta yang dimiliki)." Lalu tawanan tersebut berjaya melepaskan dirinya dari hukuman."*²⁸

Dalam hadith ini, pelaku sedekah diumpamakan seperti orang yang ditawan musuh. Lalu datang amalan sedekahnya dan membebaskannya dari segala belunggu.

Ibnu Al-Qayyim (w: 751 h) mengulas hadith ini, katanya:

*"Hadith ini telah dibuktikan oleh realiti. Ini kerana sedekah memiliki impak yang menakjubkan dalam bentuk menolak bencana, tidak kira sama ada pelakunya orang yang jahat, zalim atau kafir. Allah akan menolak segala jenis bencana (dengan sebab bersedekah). Semua manusia di pelbagai peringkat mengetahui kelebihan ini."*²⁹

7) Allah Menggantikan Harta Orang Yang Bersedekah

Allah berfirman:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ
مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki."³⁰

Allah memberitahu kepada orang yang bersedekah dan menderma bahawa Dia akan memberi ganti kepada mereka. Dan tanpa diragui, jaminan Allah adalah janji yang paling benar.

Abu Hurairah r.a (w: 59 h) meriwayatkan sebuah hadith Qudsi:

"Allah berfirman, wahai anak Adam, dermakan harta kamu, nescaya Allah akan

28 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 2863

29 Al-Wabil As-Sayyib, 1/49

30 Surah Saba` : 39

*gantikan kembali untuk kamu.”*³¹

Abu Hurairah r.a melaporkan sebuah hadith Nabi s.a.w:

*“Setiap hari di waktu pagi, ada dua malaikat yang turun ke bumi. Seorang dari mereka berdoa: ‘Ya Allah, berikanlah ganti kepada orang yang bersedekah.’ Dan seorang lagi pula berdoa: ‘Ya Allah, berilah kemusnahan kepada orang yang kedekut.”*³²

Imam An-Nawawi (w: 676 h) menghuraikan hadith ini dengan katanya:

“Para Ulama’ berkata, fadhilat ini berlaku kepada perbelanjaan harta yang membabitkan perkara taat, kemurnian akhlak, menanggung keluarga, menjamu tetamu serta semua bentuk penggunaan harta yang tidak dicela dan tidak menatijahkan pembaziran. Manakala maksud orang yang kedekut ialah mereka yang enggan membelanjakan harta untuk tujuan-tujuan yang telah disebutkan.”

³³

Ibnu Hajar Al-Asqalani (w: 852 h) berkata, maksud ungkapan doa “Ya Allah, berilah kemusnahan kepada orang yang kedekut,” ialah kemusnahan pada hartanya atau kemusnahan pemiliknya.³⁴

Justeru, malaikat akan mendoakan kemusnahan ke atas orang yang bakhil dan kedekut – semoga Allah melindungi kita – . Sebahagian orang yang terdedah kepada kebinasaan tubuh dan nyawanya berkemungkinan disebabkan oleh sifat kedekut dan keengganannya untuk bersedekah, apatah lagi doa malaikat tidak pernah disia---siakan Allah.

8) Pahala Sedekah Tidak Terhenti Selepas Kematian Pelakunya.

Apabila kehidupan manusia tiba di penghujung dan ajalnya semakin hampir, ia akan pergi menghadap Tuhannya serta amalannya nanti akan diperiksa oleh Allah. Di saat itu manusia sangat perlukan amalan-amalan soleh yang dapat menyelamatkannya dari hukuman Allah.

Di antara amalan soleh yang pahalanya tidak putus-putus mengalir kepada manusia sesudah kematiannya ialah amalan sedekah. Ini adalah

31 Sahih Muslim, No. Hadith 993

32 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 1442

33 Syarh Sahih Muslim, 7/95

34 Fath Al-Bari, 2/305

berdasarkan hadits Nabi s.a.w:

“Apabila mati seorang manusia, terhentilah pahala amalannya kecuali dari tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan orang lain atau anak soleh yang mendoakannya.”³⁵

Justeru, renungilah saudaraku akan kehebatan ganjaran bersedekah dan kelebihanannya yang berpanjangan selepas kematian.

9) Sedekah Menghapuskan Kesalahan

Muaz bin Jabal r.a (w: 18 h) meriwayatkan sebuah hadits Nabi s.a.w:

“Sedekah boleh memadamkan kesalahan seperti mana air boleh memadamkan api.”

Pendekatan Nabi Ketika Bersedekah

Ibnu Al-Qayyim Al-Jawzi (w: 751 h) telah meringkaskan beberapa pendekatan Nabi s.a.w ketika bersedekah dalam bukunya *Zad Al-Ma`ad* dengan katanya:

“Rasullullah s.a.w adalah insan yang paling banyak bersedekah dengan apa yang ada di tangannya. Baginda tidak pernah menganggap banyak atau sedikit dengan rezeki yang diberikan kepadanya. Sesiapa yang datang meminta kepada Nabi, baginda akan memberinya tanpa mengira sedikit atau banyak. Pemberian Nabi adalah pemberian seseorang yang tidak bimbangkan kemiskinan. Bersedekah menjadi amalan yang paling disukai Nabi. Nabi merasa gembira dengan apa ia berikan lebih dari gembiranya orang yang menerima pemberian.

Nabi adalah manusia yang paling dermawan dengan hartanya. Kedermawanan baginda umpama angin yang menghembus. Jika ada seseorang yang memerlukan sesuatu, Nabi akan utamakan peminta tersebut berbanding dirinya. Ada ketikanya Nabi memberikan makanan. Ada ketikanya Nabi memberikan hadiah. Ada ketikanya Nabi membeli sesuatu dari seseorang, kemudian Nabi membayar sambil menyerahkan kembali barangan yang dibeli kepada penjual. Ada ketikanya Nabi

berhutang dengan seseorang, kemudian membayarnya kembali dengan nilai yang lebih tinggi. Ada ketikanya Nabi membeli sesuatu lalu membayarnya dengan harga yang lebih tinggi dari yang ditawarkan. Nabi pernah menerima hadiah, namun membalasnya kembali dengan hadiah yang lebih bagus sebagai menunjukkan sikap mesra serta mempelbagaikan cara bersedekah dan berbudi kepada orang lain.

Nabi bersedekah dengan pelbagai cara. Ia memberi apa yang dimiliki, berkempen dan menggalakkan orang lain melalui sikap dan kata-katanya. Jika orang yang kedekut melihat Nabi, ia akan terdorong untuk bersedekah disebabkan oleh sikap baginda. Sesiapa yang bergaul dengan Nabi dan melihat akhlaknya, ia akan terpesona dengan sikap keramahan dan kepeperumahan Nabi. Rasulullah s.a.w adalah insan yang paling berlapang dada, berjiwa mulia dan berhati lunak. Justeru cara ia bersedekah dan melakukan kebaikan memberikan impak yang positif kepada orang lain.

Sifat Pemurah Nabi Dalam Menderma

Ibnu Abbas r.a (w: 68 h) menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w adalah insan yang paling pemurah. Di bulan Ramadhan, Nabi akan menjadi bertambah pemurah ketika Jibril datang menemuinya. Jibril bertemu Nabi pada setiap malam di bulan Ramadhan dan bertadarus Al-Quran dengan baginda. Ketika itu Nabi akan menjadi bertambah pemurah lebih dari angin yang berhembus."³⁶

Jabir bin Abdullah r.a (w: 78 h) menceritakan, Nabi s.a.w tidak pernah berkata 'tidak' pada setiap kali ia diminta-minta.³⁷

Anas bin Malik r.a (w: 90 h) pula menceritakan, Rasulullah s.a.w tidak pernah diminta sesuatu yang berkaitan dengan keislaman seseorang melainkan Nabi akan memberinya. Pernah ada seorang lelaki datang meminta kepada Nabi, lalu Nabi memberikannya sekumpulan kambing yang memenuhi di antara dua bukit. Lelaki tersebut kemudiannya pulang menemui kaumnya dan berkata: "Wahai kaumku, masuklah kalian ke dalam agama Islam, kerana sesungguhnya Muhammad akan

36 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 6

37 Sahih Muslim, No. Hadith 2311

memberi kepada kalian pemberian tanpa bimbangkan kemiskinan.”³⁸

Aisyah r.a (w: 58 h) menceritakan bahawa mereka pernah menyembelih seekor biri-biri. Kemudian baginda bertanya “Apa yang masih berbaki dari biri-biri tersebut?” Aisyah menjawab: “Tidak ada lagi baki (semuanya telah disedekahkan) melainkan bahagian paha sahaja.” Lalu Rasulullah membetulkan kenyataan Aisyah: “Bahkan semuanya adalah kekal melainkan bahagian paha sahaja.”³⁹ Iaitu yang telah disedekahkan adalah kekal pahalanya di akhirat melainkan bahagian paha sahaja.

Ibnu Jarir At-Tabari (w: 310 h) menukilkkan sebuah riwayat dari Sahl bin Saad r.a, katanya:

“Seorang wanita datang bertemu Nabi dan memberikan sehelai kain selendang. Sahl berkata, ia adalah sehelai kain yang ditenun tepinya. Kata wanita itu: “Wahai Rasulullah, aku datang untuk memberikan kain ini agar nanti tuan memakainya.” Nabi mengambil selendang tersebut dalam keadaan baginda memang memerlukannya. Setelah Nabi memakainya, seorang sahabat berkata kepada Nabi: “Ya Rasulullah, sungguh cantik selendang ini! Bolehkah tuan berikannya kepada saya? Nabi menjawab: “Ya, boleh.” Setelah Rasulullah berlalu pergi, para sahabat berkata: Tidak baik perbuatan kamu itu. Kamu lihat Rasulullah menerima dan memerlukan kain tersebut, namun kamu tetap memintanya, sedangkan kamu tahu Nabi tidak akan menolak sebarang permintaan.”

Sahabat tersebut menjawab: “Demi Allah, aku lakukan itu kerana mengharapkan keberkatan pakaian yang pernah dipakai oleh Rasulullah. Aku berharap nanti aku dikafankan dengan kain tersebut.”⁴⁰

Ibnu Mas`ud r.a (w: 32 h) menceritakan: “Nabi pernah masuk ke rumah Bilal dan mendapati setompok kurma. Baginda lantas berkata: “Apakah ini wahai Bilal?” Bilal menjawab: “Aku sediakannya untuk menyambut kedatanganmu.” Nabi membalas: “Tidakkah kamu bimbang nanti kamu akan terkena asap api neraka jahannam? Dermakannya wahai Bilal, jangan bimbang terhadap kefakiran selagi adanya Tuhan Penguasa Arash.”⁴¹

Ungkapan Nabi “Jangan bimbang terhadap kefakiran,” adalah

38 Sahih Muslim, No. Hadith 2312

39 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 2470

40 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 6036

41 Musnad Al-Bazzar, No. Hadith 1928

terkait dengan sikap yakin, percaya dan bersangka baik dengan Allah. Ia juga menepati konsep tawakkal bersama ikhtiar berusaha.

Abdullah bin Abbas (w: 68 h) r.a berkata: “Abu Dzar berkata kepadaku: “Wahai anak saudaraku, aku pernah duduk bersama Nabi sambil memegang tangannya. Kemudian Nabi berkata: “Wahai Abu Dzar, aku tidak suka andainya aku memiliki emas dan perak sebesar Bukit Uhud, lalu aku *infaq*kannya pada jalan Allah, kemudian aku meninggalkan dunia tapi masih berbaki harta tersebut satu *qirath*⁴².” Abu Dzar berkata: “Bagaimana jika berbaki satu qintar? ⁴³” Nabi bersabda: “Wahai Abu Dzar, aku membuat contoh yang sedikit namun kamu menyebut contoh yang lebih banyak. Aku inginkan akhirat tetapi kamu masih inginkan dunia walaupun satu *qirath*.” Nabi mengulangi kata-kata itu tiga kali.”⁴⁴

Kedermawanan Abu Bakar Al-Siddiq⁴⁵

Umar bin Khattab r.a (w: 23 h) menceritakan:

“Pada suatu hari, Rasulullah s.aw menyuruh kami mendermakan harta di jalan Allah. Kebetulan ketika itu aku memiliki harta. Aku berkata kepada diriku, “hari ini aku akan mengatasi Abu Bakar. Aku belum pernah dapat mengalahkannya.” Lalu aku datang membawa separuh hartaku. Rasulullah bertanya kepadaku: “Apa yang kamu tinggalkan untuk keluargamu?” Aku menjawab: “Saya tinggalkan untuk mereka separuh lagi hartaku.” Kemudian Abu Bakar tiba membawa seluruh hartanya. Nabi bertanya kepadanya: “Wahai Abu Bakar, apa yang kamu tinggalkan untuk keluargamu?” Abu Bakar menjawab, “Saya tinggalkan untuk mereka Allah dan RasulNya.” Aku berkata kepada diriku, “aku memang tidak mampu mengalahkan Abu Bakar.”⁴⁶

Ibnu Ishaq (w: 151 h) menukilkan daripada Asma` binti Abu Bakr r.a, katanya:

42 Qirath adalah nilai emas seberat 0.1771 gram. Lihat Al-Makayil Wa Al-Mawazin Asy-Syar`iyyah 23

43 Qintar ialah emas seberat 142.8 kilogram. Lihat Al-Makayil Wa Al-Mawazin Asy-Syar`iyyah, 25

44 Musnad Al-Bazzar, No. Hadith 3899

45 Wafat pada tahun 13 hijrah.

46 Sunan At-Tirmizi, No. Hadith 3675

“Ketika Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah bersama Abu Bakar, Abu Bakar telah membawa bersamanya seluruh harta yang bernilai 5000 dirham. Kemudian datangku Abu Quhafah⁴⁷ yang telah hilang penglihatan datang dan berkata, “Sesungguhnya atuk lihat Abu Bakar mahu menyusahkan kalian dengan membawa seluruh hartanya.” Asma` berkata, “Tidaklah atuk. Ayah telah meninggalkan kepada kami harta yang banyak.” Lalu Asma` mengambil batu-batu dan meletakkannya di dalam lubang dinding tempat ayah selalu menyimpan hartanya. Kemudian Asma` menutupnya dengan kain. Asma` lalu memegang tangan datuknya dan menyentuhkannya kepada kain tersebut sambil berkata, “Atuk, letakkan tanganmu di atas harta ini.” Abu Quhafah berkata, “Tidak mengapa jika dia telah tinggalkan harta untuk kalian. Itu sudah mencukupi.”

Kata Asma`: “Demi Allah, Abu Bakar sebenarnya tidak meninggalkan apa-apa untuk kami. Tetapi aku sekadar mahu mententeramkan datuk aku sahaja.”⁴⁸

Kedermawanan Uthman Bin `Affan⁴⁹

Al-Hakim (w: 405 h) menukikan sebuah riwayat daripada Abdul Rahman bin Samurah r.a, katanya:

“Uthman r.a telah datang menemui Nabi s.a.w dengan membawa 1000 dinar ketika baginda sedang mempersiapkan tentera menuju ke Tabuk. Sampai di rumah Nabi, Uthman meletakkan duit tersebut dalam bilik baginda. Sambil membelek-belek wang tersebut Nabi berkata: “Tidak ada dosa yang akan memudaratkan Uthman selepas hari ini⁵⁰.” Baginda mengulangi ungkapan tersebut beberapa kali.⁵¹

Dalam riwayat yang lain, Nabi bersabda kepada Uthman:

“Semoga Allah telah mengampuni kesalahan yang kamu lakukan secara rahsia

47 Abu Quhafah adalah bapa kepada Abu Bakar As-Siddiq.

48 Musnad Ahmad, No. Hadith 26957

49 Wafat pada tahun 35 hijrah

50 Maksudnya, Allah sudah memberi pengampunan kepada Uthman terhadap dosa-dosanya akan datang disebabkan pengorbanannya yang ikhlas dalam menderma.

51 Al-Mustadrak `Ala As-Sahihayn, No. Hadith 4553

*dan secara nyata sehingga hari kiamat, wahai Uthman.”*⁵²

Ibnu Umar r.a (w: 73 h) meriwayatkan sebuah hadits Nabi s.a.w:

*“Sesiapa yang sanggup membeli Telaga Rumah ini dan mewakafkan airnya kepada umat Islam, Allah akan memberi ia minuman yang menghilangkan dahaganya di hari kiamat. Lalu Uthman telah membelinya dan mewakafkan kepada umat Islam.”*⁵³

Abu Mas`ud Al-Badri r.a (w: 42 h) berkata:

Pada satu ketika, kami keluar bersama Nabi dalam satu peperangan. Di dalam perjalanan, tentera Islam mula mengalami keletihan. Aku telah melihat keresahan di wajah orang Islam dan keceriaan di wajah golongan munafik. Apabila Rasulullah s.a.w melihat demikian, baginda berkata: “Demi Allah, matahari tidak akan terbenam sehinggalah Allah memberikan rezeki kepada kalian.” Uthman menyedari hal ini lalu membeli 14 ekor haiwan tunggangan yang sarat dengan bekalan makan, di mana 9 ekor darinya dihantarkan kepada Nabi. Apabila Nabi melihatnya, baginda bertanya: “Apakah ini?” Para sahabat menjawab: “Ini semua telah dibawa oleh Uthman.” Maka terpancar riak gembira di wajah Nabi sementara wajah golongan munafik menjadi muram. Aku melihat Rasulullah mengangkat kedua-dua tangannya sehingga kelihatan ketiakannya. Baginda telah mendoakan untuk Uthman dengan doa yang tidak pernah didoakan kepada orang lain sebelum atau selepasnya. “Ya Allah, berilah kepada Uthman, Ya Allah, lakukanlah (anugerahkan) kepada Uthman.”⁵⁴

Kedermawanan Abdullah Bin Umar

Nafi’ (w: 117 h), salah seorang hamba sahaya Ibnu Umar menceritakan:

*“Jika Ibnu Umar merasa takjub dengan hartanya, dia akan menghampirkan diri kepada Allah dengan menyedekahkan harta tersebut.”*⁵⁵

Nafi’ meneruskan kisahnya:

52 Fadhail As-Sahabah, No. Hadith 736

53 Kanz Al-`Ummal, No. Hadith 36231

54 Majma` Az-Zawaid Wa Manba` Al-Fawaid, No. Hadith 14523

55 At-Taqabat Al-Kubra, 4/125

“Semua hamba sahayanya menyedari sikap kedermawanan beliau. Ada salah seorang di antara mereka yang merajinkan diri dan sentiasa melazimi masjid. Apabila Ibnu Umar melihat kebaikan hambanya, ia akan memerdekakannya. Lalu kawan-kawan hamba sahaya itu berkata, “wahai Abu Abdul Rahman, demi Allah, mereka lakukan semua itu kerana ingin memperdaya kamu.”

Ibnu Umar menjawab, “orang yang memperdaya kami dengan beribadah kepada Allah, kami tetap menerima penipuannya.”⁵⁶

Ayyub bin Wail berkata: “Ibnu Umar pernah mendapat wang sebanyak 10,000 dirham, lalu dia mengagihkan semuanya kepada orang lain sehingga dia sendiri perlu berhutang satu dirham untuk memberi makan kepada haiwan tunggangannya.”⁵⁷

Nafi` pula menceritakan, Ibnu Umar pernah mengagihkan hartanya sebanyak 30,000 dirham dalam satu majlis. Setelah itu, dia melalui tempoh sebulan di mana dia sendiri tidak menjamah daging.⁵⁸

Abu Nuaim meriwayatkan sebuah cerita dari Muhammad bin Qais katanya, “Ibnu Umar selalu makan bersama-sama dengan orang miskin hingga susut tubuh badannya.”

Abu Bakar bin Hafs pula menceritakan, Ibnu Umar sering makan bersama-sama dengan anak yatim.

Sa`id bin Hilal (w: 305 h) melaporkan, suatu ketika Abdullah bin Umar pernah merasa teringin memakan ikan. Pada ketika itu ikan hanya tinggal seekor. Lalu isterinya memasak ikan tersebut. Apabila ikan itu dihidangkan di hadapannya, seorang pengemis telah muncul di pintu rumah. Ibnu Umar lalu berkata, “berikanlah ikan ini kepada pengemis itu.”

Isterinya berkata, “*Subhanallah!* Biarlah saya memberikannya satu dirham, dan abang makanlah ikan itu.”

Ibnu Umar berkata, “Tidak. Ibnu Umar memang mahukannya. Namun apabila Ibnu Umar menyukai sesuatu, ia akan meninggalkannya dan memberikannya kepada orang lain sebagai sedekah kerana Allah⁵⁹.”

56 At-Tabaqat Al-Kubra, 4/126. Maksudnya, Ibnu Umar sengaja menerima penipuan hamba sahayanya kerana beliau orang yang suka bersedekah dan membebaskan hamba sahaya. Dalam satu cerita yang lain, Ibnu Umar telah memerdekakan lebih 1000 orang hamba sahaya.

57 Tarikh Dimasyq, 31/141

58 Ma`rifah As-Sahabah, 3/1710

59 Lihat Tarikh Dimasyq, 31/143

Kedermawanan Aisyah⁶⁰, Ummu Al-Mukminin (Ibu Seluruh Orang Beriman)

Imam Malik (w: 179 h) telah menukilkan di dalam kitab Muwatta` sebuah riwayat dari Aisyah r.a, bahawa ada seorang miskin datang meminta-minta kepadanya ketika ia sedang berpuasa. Di rumahnya ketika itu hanya ada sebuku roti. Aisyah berkata kepada hamba sahayanya: "Berikan roti ini kepada orang itu. Hambanya membalas: "Nanti tiada makanan untuk puan berbuka puasa?" Aisyah menjawab: "Berikan saja kepadanya." Lalu hambanya melakukan seperti yang diminta.

Bila tiba waktu petang, ada sebuah keluarga atau seorang manusia datang memberikan kami daging kambing yang dibaluti roti. Aisyah memanggilku (hamba sahaya) dan berkata, "Makanlah, ini lebih baik dari roti tadi."⁶¹

Abdullah bin Zubair (w: 73 h) berkata: "Aku tidak pernah melihat dua orang wanita yang paling dermawan melebihi Aisyah dan Asma` binti Abu Bakar As-Siddiq. Aisyah sering mengumpulkan sesuatu sehingga apabila ia sudah banyak, dia akan mengagihkannya. Ada pun Asma`, ia tidak pernah menyimpan sesuatu sehingga esok hari (ia segera bersedekah)."⁶²

Ummu Zarrah berkata, pada suatu ketika Ibn Az-Zubair telah mengirimkan dua uncang wang kepada `Aisyah r.a berisi wang bernilai 180,000 dirham. Aisyah ketika itu sedang berpuasa. Dia telah meminta sekeping alas lalu duduk dan membahagikan semua wang tersebut tanpa meninggalkan saki baki walaupun satu dirham.

Apabila tiba waktu petang, Aisyah berkata kepada pembantunya: "Siapkan untukku juadah berbuka puasa." Lalu pembantunya datang membawakan sepotong roti dan minyak.

Pembantunya berkata: "Bukankah tadi puan boleh membeli daging untuk kita berbuka puasa dari wang yang dibahagikan?"

Aisyah menjawab: "Usah kamu salahkan saya. Jika kamu ingatkan saya tadi, tentu saya sudah membelinya."⁶³

60 Wafat pada tahun 58 hijrah

61 Muwatta` Al-Imam Malik, No. Hadith 2105

62 Al-Adab Al-Mufrad, No. Hadith 280

63 Sifah As-Safwah, 2/29

*Kedermawanan Zainab Binti Jahsh*⁶⁴ (جحش)

Aisyah binti Abu Bakr (w: 58 h), Ummu Al-Mu`minin⁶⁵ telah melaporkan sebuah hadith Nabi s.a.w:

“Isteri yang paling segera mengiringi kematianku ialah orang yang ‘paling panjang tangan’nya.” Aisyah berkata: “Lalu para isteri Nabi saling mungukur tangan mereka, siapakah yang paling panjang.” Aisyah berkata lagi: “Rupanya Zainab adalah isteri yang paling ‘panjang tangan’nya di kalangan kami, kerana dia sering mencari rezeki dan bersedekah.”⁶⁶

Aisyah menceritakan lagi dalam satu riwayat:

“Setelah Rasulullah wafat, apabila kami berkumpul di rumah salah seorang di kalangan kami, kami akan saling mengukur tangan kami di dinding. Kami sering lakukan demikian sehinggalah Zainab binti Jahsh meninggal dunia. Beliau seorang wanita yang rendah dan tangannya tidaklah panjang. Maka, barulah kami sedar bahawa Nabi maksudkan dengan ‘tangan yang panjang’ sebagai kerap bersedekah.

Zainab juga merupakan seorang wanita yang aktif dalam perusahaan tangan. Dia membuat kerja-kerja seperti membersihkan kulit binatang, menjahit dan bersedekah di jalan Allah.⁶⁷

Dalam riwayat lain ada melaporkan, “Zainab selalu memintal benang dan memberikannya kepada tentera Nabi s.a.w. Mereka akan membuat pakaian lalu menggunakannya ketika berperang.”⁶⁸

64 Wafat pada tahun 21 hijrah

65 Ummu Al-Mu`minin bermaksud ibu seluruh orang-orang yang beriman.

66 Sahih Muslim, No. Hadith 2452

67 Al-Mustadrak `Ala As-Sahihayn, No. Hadith 6776

68 Al-Mu`jam Al-Awsat. No. Hadith 6276

*Kedermawanan Abu Ad-Dahdah*⁶⁹ (أبو الدحداح)

Abdullah bin Mas`ud meriwayatkan sebuah hadits Nabi s.a.w:

“Ketika turunnya ayat Al-Quran:

*“Siapakah yang mau memberi pinjaman harta kepada Allah dengan pinjaman yang baik.”*⁷⁰

Abu Ad-Dahdah Al-Ansari berkata: “Wahai Rasulullah, apakah Allah juga perlukan ‘pinjaman’ dari kami?” Nabi SAW menjawab: “Benar, Abu Ad-Dahdah.” Abu Ad-Dahdah berkata: “Wahai Rasulullah, hুলurkan tanganmu.” Rasulullah s.a.w menghুলurkan tangannya kepada Abu Ad-Dahdah, lalu Abu Ad-Dahdah berkata: “Sesungguhnya aku meminjamkan (sedekahkan) kepada Tuhanku kebunku ini.” Ketika itu kebun milik Abu Dahdah mempunyai 600 pokok kurma. Kemudian dia berjalan menuju ke kebunnya. Ketika itu isterinya Ummu Ad-Dahdah dan anak-anaknya sedang berada di dalam kebun tersebut. Abu Dahdah memanggil isterinya: “Wahai Ummu Ad-Dahdah! Keluarlah kamu, sesungguhnya aku telah ‘meminjamkan’ kebun ini kepada Tuhanku.”⁷¹

Dalam riwayat lain, Nabi berkata kepadanya: “Betapa banyaknya pokok kurma yang lebat berbuah untuk Abu Dahdah di syurga kelak.” Rasulullah mengatakannya berulang kali.⁷²

Dalam riwayat lain, **Anas bin Malik** berkata:

“Ada seorang lelaki berkata: “Wahai Rasulullah, si fulan memiliki pokok kurma yang tumbuh di dalam kebun saya. Minta dia berikannya kepada saya agar saya dapat menyempurnakan penanaman di kebun saya.” Nabi s.a.w berkata kepada fulan itu: “Berikan saja pohon ini kepadanya dan kamu akan mendapat pokok kurma di dalam syurga.” Fulan itu menolak. Kemudian Abu Ad-Dahdah berkata kepada si fulan tersebut, “Tukarlah pohon kurmamu dengan (seluruh) kebun saya.” Ketika itu kebun Abu Ad-Dahdah mempunyai 600 batang pokok kurma. Fulan itu bersetuju. Kemudian Abu Ad-Dahdah menjumpai Nabi s.a.w dan berkata: “Wahai Rasulullah, saya telah tukar pohon kurmanya dengan

69 Wafat pada tahun ke-6 hijrah.

70 Surah Al-Baqarah : 245

71 Musnad Abu Ya`la, No. Hadith 4986

72 Musnad Imam Ahmad, No. Hadith 12482

seluruh kebun saya. Sekarang berikan pohon ini kepada lelaki itu.” Lalu Rasulullah bersabda kepadanya: “Betapa banyaknya pokok kurma yang lebat berbuah untuk Abu Ad-Dahdah di dalam syurga kelak.”⁷³

*Kedermawanan Abu Talhah Al-Ansari*⁷⁴

Anas bin Malik berkata:

“Abu Talhah merupakan orang Ansar yang mempunyai kebun kurma terbanyak di Madinah. Kebun kurma kesayangannya terletak di Bairuha’. Ia terletak berhadapan Masjid Nabawi. Rasulullah s.a.w sering memasuki kebunnya dan minum airnya yang segar. Anas berkata, ketika turunnya firman Allah:

*“Kamu tidak akan dapat mencapai hakikat kebaktian yang sempurna hingga kamu mendermakan harta yang paling engkau sukai. Dan apa jua yang kamu dermakan, sesungguhnya Allah mengetahuinya.”*⁷⁵

Abu Talhah bertemu Nabi dan berkata: “Ya Rasulullah, sesungguhnya Allah telah berfirman “Kamu tidak akan dapat mencapai hakikat kebaktian yang sempurna hingga kamu mendermakan harta yang paling engkau sukai...” Dan harta yang paling aku sukai ialah tanah di Bairuha’. Sesungguhnya aku jadikannya sebagai sedekah kerana Allah. Aku hanya mengharapkan kebaikan dan ganjarannya di sisi Allah. Justeru, gunakanlah ia wahai Rasulullah pada apa-apa tujuan yang kamu kehendaki.

Rasulullah s.a.w bersabda: “Wah! Itu harta yang sangat menguntungkan, Itu harta yang sangat menguntungkan. Aku telah mendengar perakuan kamu. Aku berpandangan harta itu kamu dermakannya kepada kaum kerabatmu,” Abu Talhah menjawab: “Aku akan lakukannya wahai Rasulullah,”. Lalu ia mengagih-agihkannya kepada sanak saudara dan sepupu-sepapatnya.”⁷⁶

73 Musnad Imam Ahmad, No. Hadith 12482

74 Wafat pada tahun 34 hijrah

75 Surah Ali Imran : 92

76 Sahih Al-Bukhari, No. Hadith 1461

Merawat Penyakit Dengan Bersedekah

**Al-Aswad bin Yazid An-Nakha`iy** (w: 75 h) meriwayatkan hadits daripada Abdullah bin Mas`ud katanya, Rasulullah s.a.w bersabda:

*“Rawatilah orang yang sakit di kalangan kamu dengan bersedekah. Peliharalah harta kamu dengan berzakat dan hadapilah bencana dengan berdoa.”*⁷⁷

Hadis yang mulia ini menyebutkan bahawa bersedekah adalah salah satu penyebab kepada rawatan dan kesembuhan penyakit dengan izin Allah s.w.t. Orang yang telah memberitahu perkara ini ialah insan yang terpelihara (ma`sum) serta tidak bercakap mengikut hawa nafsunya.

Ibnu Al-Qayyim r.a (w: 751 h) berkata :

*“Setiap doktor yang merawat pesakit tanpa memeriksa aspek hati, tanpa melihat aspek kekuatan jiwa, keupayaannya dalam bersedekah, melakukan kebaikan, bersikap ihsan, mengingat Allah dan hari akhirat, mereka bukanlah doktor yang sebenar. Sebaliknya mereka adalah doktor yang tidak memahami etika perawatan.”*⁷⁸

Justeru, bersedekah boleh menghilangkan penyakit, sama ada setelah ia berjangkit atau sebelumnya. Para sarjana fiqh dan perubatan pernah berkata: “Mencegah adalah lebih baik dari merawat. Menghindari sesuatu sebelum ia berlaku adalah lebih mudah berbanding menyingkirkannya setelah ia berlaku.

Mencegah penyakit adalah lebih baik dari pengambilan ubat. Berdasarkan kaedah ini, Allah akan menghalang sesuatu penyakit dari berlaku dengan asbab ubat yang dapat menghilangkannya.

Ubat yang zahirnya boleh menghilangkan penyakit, boleh dihalang oleh Allah dari menjangkiti seseorang. Justeru, bersedekah boleh mencegah penyakit seperti mana ia juga dapat menyembuhkannya dengan izin Allah.

Di sini terdapat satu perkara yang penting, iaitu orang yang beriman tidak menjadikan urusannya dengan Allah sebagai sekadar mencuba-cuba, jika percubaannya berjaya, baru ia melakukan cara tersebut, jika ia gagal, ia tidak lagi mencubanya. Bukan begitu. Sebaliknya

⁷⁷ As-Sunan Al-Kubra, No. Hadith 6593. Sanadnya dinilai oleh Syaikh Al-Albani sebagai *Hasan* dalam Sahih At-Targhib Wa At-Tarhib, 1/458, nota kaki 1.

⁷⁸ Zad Al-Ma`ad, 4/144

orang yang beriman berurusan dengan Tuhannya dengan keyakinan dan kepercayaan serta berserah kepadaNya dan berbaik sangka. Allah s.w.t telah berpesan dalam sebuah hadith qudsi: “Aku bertindak mengikut sangkaan yang baik hambaKu terhadapKu.”⁷⁹

Merawat Luka Bernanah Dengan Sedekah

Ali bin al-Hassan bin Syaqq (w: 225 h) berkata: “Aku mendengar Ibnu Al-Mubarak pernah ditanya oleh seorang lelaki: “Wahai Abu Abdul Rahman, saya mempunyai luka bernanah di lutut sejak tujuh tahun yang lalu. Saya telah cuba mengubatnya dengan pelbagai cara serta bertanya ramai doktor namun semuanya tidak berhasil.”

Kata Ibnu Al-Mubarak: “Carilah kawasan di mana orang ramai memerlukan air. Galilah telaga di situ. Saya berharap apabila terbit air di sana, luka bernanah kamu juga menjadi sembuh.”

Lelaki tadi kemudiannya melaksanakan apa yang dicadangkan. Lalu lukanya sembuh dengan izin Allah.⁸⁰

Imam Al-Baihaqi (w: 458 h) berkata: “Cerita ini mirip dengan cerita guru kami Al-Hakim Abu Abdullah r.a. Dia pernah mengalami luka di bahagian muka serta melakukan pelbagai ikhtiar, namun lukanya tidak sembuh-sembuh. Keadaan mukanya kekal begitu hampir setahun.

Satu ketika beliau meminta dari Ustaz Al-Imam Abu Uthman Al-Sobirini untuk mendoakan penyakitnya dalam satu majlis ilmu di hari Jumaat. Al-Imam Abu Uthman pun mendoakannya dan orang ramai mengaminkannya. Pada hari Jumaat berikutnya, seorang wanita telah mengirimkan sehelai kertas dalam majlis ilmunya. Isinya menceritakan, apabila wanita itu pulang ke rumah (seusai majlis ilmu pada minggu sebelumnya), dia telah berdoa bersungguh-sungguh untuk kesembuhan Al-Hakim Abu Abdullah pada malam tersebut. Ketika tidurnya, beliau telah bermimpi melihat Rasulullah s.a.w, seakan Nabi memberitahu: “Pesanlah kepada Abu Abdullah agar ia mengagihkan air minuman kepada orang Islam. Lalu aku tulis pesanan ini untuk Al-Hakim. Setelah itu, Al-Hakim telah mengupah orang membina tempat minum

79 Al-Fawaid, No. Hadith 416

80 Siyar A'lam An-Nubala', 8/407

air di hadapan rumahnya. Sebaik sahaja binaan tersebut selesai, dia menyuruh orang menuangkan air kepada orang ramai serta meletakkan salji di dalamnya. Ramai orang meminum airnya. Tidak sampai seminggu kemudian, lukanya semakin sembuh dan beransur hilang. Wajahnya telah menjadi lebih elok dari sebelumnya. Ia kemudiannya terus hidup selama beberapa tahun berikutnya.⁸¹

Sedekah Penyebar Kesembuhan Penyakit Ibu⁸²

Seorang pemilik cerita berkata: “Saya mempunyai seorang sahabat. Hubungan kami sangat baik. Suatu hari saya bertanya tentang khabarnya dari beberapa orang teman. Mereka memberitahu saya ia sedang meringkuk dalam penjara. Ia perkara yang mengejutkan dan sukar dipercayai.

Saya kemudiannya pergi ke penjara untuk menziarahinya. Setelah duduk di hadapannya, barulah saya tahu beliau dipenjarakan kerana menanggung hutang sebanyak 100,000 Riyal yang tidak mampu dibayarnya. Dia telah berusaha namun hanya mampu mengumpulkan 5000 Riyal sahaja. Ketika saya meninggalkan penjara, saya telah berdoa agar Allah membantu saya menyelesaikan hutang ini.

Saya telah menemui beberapa kenalan yang baik termasuk mereka yang mempunyai hubungan yang rapat. Saya telah meminta bantuan mereka serta menceritakan kisah teman yang dipenjara. Mereka menghulurkan bantuan sekadar yang termampu. Namun jumlah yang diperlukan masih berbaki 30,000 Riyal .

Kemudian saya pergi bertemu dengan seorang lagi kenalan. Saya bertanya tentang keadaan dirinya. Beliau memberitahu, ibunya sedang sakit dan berada di Wad Pemerhatian Rapi (ICU) sejak beberapa hari yang lalu. Ibunya tidak dapat bergerak dan juga bercakap. Setelah berbual seketika, saya meninggalkannya. Selang beberapa tempoh, saya menemuinya lagi. Saya bertanya kondisi ibunya. Beliau memberitahu keadaan ibunya masih sama. Tiada sebarang perkembangan positif. Saya kemudiannya menceritakan kisah sahabat yang dipenjara disebabkan hutang. Setelah mendengar cerita, ia bangun dan datang kembali dengan

81 At-Tarhib Wa At-Tarhib, 2/42 – 43

82 Kisah ini diceritakan kepada penulis oleh Ustaz Ahmad Salim Badawilan secara lisan.

menghulurkan wang sebanyak 30,000 Riyal sebagai sedekah darinya untuk melangsaikan hutang teman dipenjara.

Saya merasa sangat gembira dan terus berjumpa dengan pemilik hutang serta membayar hutangnya. Alhamdulillah, sahabat saya dibebaskan dari penjara.

Setelah beberapa ketika, saya menghubungi kenalan (yang bersedekah 30,000 Riyal) untuk bertanya khabar ibunya. Namun berlaku satu kejutan! Dia memberitahu: "Segala puji bagi Allah. Ibu saya telah sembuh dan keluar dari hospital. Dia sekarang sedang menikmati kopi bersama saya."

Saya bertanya: "Sejak bila ibu kamu sembuh?" Dia menjawab: "Selepas saya memberikan wang tersebut tempoh hari, saya telah berdoa kepada Allah agar Dia menyembuhkan ibu dengan berkat sedekah ini. Ternyata Allah telah memperkenankan doa saya, alhamdulillah.

Saya berkata: "Benarlah kata-kata Rasulullah s.a.w: "Rawatlah penyakit kamu dengan bersedekah."⁸³

Dan benarlah juga janji Rasulullah: *"Sesiapa yang mempermudah orang yang kesusahan, Allah akan mempermudah urusannya di dunia dan di akhirat."*⁸⁴

Justeru, sudikah pembaca sekalian mengambil pengajaran dari kisah ini?

83 As-Sunan Al-Kubra, No. Hadith 6593.

84 Sunan Ibn Majah, No. Hadith 2417

Allah Menyembuhkan Penyakit Kanser Dengan Sebah Sedekah

Ini merupakan di antara kisah yang masyhur dan diceritakan dari generasi ke generasi sebagai pengajaran untuk manusia.

Kisah ini diceritakan oleh seorang ahli perniagaan yang berjaya. Satu ketika ia telah ditimpa satu penyakit yang teruk dan ia tidak mampu lagi bertahan. Dia telah pergi ke hospital dan menjalani pelbagai pemeriksaan. Keputusannya sangat mengejutkan. Beliau disahkan menghidap kanser dengan peluang kesembuhan yang sangat rendah.

Doktor telah menyarankan beliau pergi ke Eropah untuk mendapatkan rawatan di sana. Beliau menuruti nasihat doktor dan pergi ke negara yang dicadangkan. Di sana, beliau sekali lagi menjalani pemeriksaan dan keputusannya adalah sama. Doktor telah menasihatkan beliau agar segera menjalani proses pembedahan memotong bahagian anggota yang dihinggap kanser.

Namun lelaki tersebut telah meminta tempoh untuk pulang sebentar ke negaranya bagi menyelesaikan beberapa urusan dan berjumpa keluarganya kerana merasakan ia mungkin pertemuan terakhir dengan keluarganya. Lelaki itu pulang dan menyelesaikan beberapa urusan termasuk menulis wasiat untuk ahli keluarganya. Dia merancang untuk meninggalkan keluarganya tanpa memberitahu mereka perkara yang sebenar.

Satu hari, ketika ia dalam perjalanan pulang ke rumah, ia ternampak kelibat seorang wanita tua yang sedang berdiri di sebelah kedai menjual daging. Wanita itu rupanya sedang mengutip sisa-sisa tulang yang bertaburan di atas lantai. Lelaki tersebut pergi menemui wanita itu, lalu menyapanya dan bertanya, "kenapa puan mengutip sisa-sisa tulang ini?" Wanita itu menjelaskan, dia mempunyai beberapa orang anak yatim yang miskin. Mereka tidak mempunyai wang untuk membeli daging. Lalu dia mengutip sisa-sisa tulang tersebut untuk dimasak sebagai lauk yang menggantikan daging.

Ahli perniagaan tersebut merasa sedih dengan penjelasan tersebut. Lalu dia mengeluarkan sejumlah wang dan memberikannya kepada wanita itu. Beliau turut berpesan kepada peniaga daging agar

menghantar beberapa kilogram bekalan daging kepada keluarga wanita tersebut pada setiap minggu dengan kos yang telah dibayar. Wanita itu sangat berterima kasih kepada lelaki tersebut atas kebaikan yang dilakukan serta mendoakan kebaikan kepadanya.

Setelah itu, ahli perniagaan tersebut kembali ke Eropah untuk melakukan proses pembedahan. Ketika pemeriksaan dijalankan, doktor merasa sangat terkejut. Dengan wajah menahan marah, doktor tersebut bertanya lelaki itu: "Adakah kamu telah pergi ke hospital lain dan mendapat rawatan di sana?"

Ahli perniagaan itu menjawab: "Tidak! Saya tidak pernah pergi ke mana-mana hospital."

Doktor berkata lagi: "Awak menipu saya. Berterus teranglah, adakah awak telah pergi ke hospital lain?" Lelaki itu membalas: "Demi Allah! Saya tidak pernah pergi ke mana-mana hospital! Kenapa doktor bertanya sebegini?"

Doktor itu menjawab: "Pemeriksaan dan analisis terbaru menunjukkan tiada lagi kanser dalam tubuh kamu. Kamu sekarang dalam keadaan yang baik."

Lelaki itu seakan tidak percaya dengan yang dikhabarkan. Air matanya mengalir dan dia meminta kepastian dari doktor apakah benar keputusan tersebut. Doktor itu menegaskan jawapannya sambil menunjukkan kertas ujian pemeriksaan kesihatan.

Ahli perniagaan itu mengucapkan puji-pujian kepada Allah, lalu berangkat pulang ke negaranya dalam keadaan sihat. Beliau kemudiannya menceritakan kembali kisah yang dilaluinya kepada keluarganya. Mereka merasa amat terkesima dengan apa yang diceritakan.

Lelaki itu mengakhiri kisahnya dengan berkata: "Sesungguhnya Allah telah menyembuhkan aku disebabkan oleh doa wanita tersebut setelah aku memberi derma kepada anak-anak yatim jajaannya."

Lelaki itu kemudiannya bertekad untuk terus menjaga keluarga miskin tersebut dengan kemampuan yang ada.

Maha suci Allah yang Agung. Maha suci Allah yang berkuasa.

*"Rawatilah penyakit kamu dengan bersedekah"*⁸⁵

*Terselamat Dari Kemalangan Disebabkan Sedekah*⁸⁶

Dua orang sekawan telah keluar menuju ke sebuah pusat peranginan pada hujung minggu. Aktiviti ini telah menjadi rutin mereka pada setiap hujung minggu. Namun percutian kali ini tidak seperti sebelumnya. Mereka menaiki kenderaan masing-masing dan bertolak secara serentak dengan emosi yang teruja menikmati hujung minggu setelah letih bekerja sepanjang minggu.

Kenderaan mereka bergerak secara beriringan di atas jalan raya dengan kelajuan yang sama. Tiba-tiba mereka berdua ternampak kelibat seorang lelaki tua sedang meminta belas kasihan dari pengguna jalan tersebut. Salah seorang dari mereka berhenti dan memberikan sedikit wang kepada lelaki tua tersebut. Ia hanya memakan masa beberapa saat sahaja. Sementara rakannya tidak mengendahkan apa yang berlaku dan terus memecutkan kenderaannya.

Setelah beberapa ketika, pemandu yang telah berhenti menghulurkan bantuan berjaya mengejar kawannya. Namun satu kejadian menakutkan telah berlaku. Kereta kawannya yang berada di hadapan telah terjatuh ke dalam lubang yang dalam. Lubang tersebut tidak diletakkan sebarang tanda. Kawannya turun ke dalam lubang untuk menenangkan rakan yang cedera. Tetapi ia telah mendapati rakannya telah kaku dan tidak bernafas. Ia menangis semahunya kerana peristiwa yang menyedihkan ini.

Namun dia terfikir, ia mungkin menjadi seperti kawannya jika Allah tidak menggerakkan hatinya untuk menghulurkan sedekah kepada lelaki miskin tersebut.

Ia teringat kepada sabdaan Baginda Nabi s.a.w:

*"Melakukan kebaikan boleh memelihara diri dari bala bencana."*⁸⁷

*"Sesungguhnya sedekah dapat memadamkan kemarahan Tuhan serta mengelak dari kematian yang buruk."*⁸⁸

86 Kisah ini telah diceritakan kepada penulis oleh Ustaz As-Said Al-Khayyat.

87 Al-Mu`jam Al-Kabir, No. Hadith 8014

88 Sunan At-Tirmizi, Hadith No. 664

Kata Doktor: "Harapan Sudah Tiada." Dengan Bersedekah: "Kesembuhan Masih Ada"⁸⁹

Dalam sebuah wad yang memuatkan 3 buah katil, seorang lelaki dilihat sedang terbaring koma di atas katil pertengahan. Dia tidak sedar dengan segala peralatan yang dipakaikan kepadanya seperti alat pantauan pernafasan dan nadi serta tiub-tiub perubatan.

Setiap hari sejak lebih setahun yang lalu, lelaki ini sering dilawati oleh isteri dan anaknya yang berusia 14 tahun. Kedua beranak ini datang dan merenung lelaki tersebut dengan pandangan kasih sayang. Mereka akan menukar pakaiannya, memantau keadaannya serta bertanya perkembangan kesihatannya dari staf di unit rawatan. Namun tiada perkembangan baru yang berlaku. Tiada sebarang perubahan pada situasi lelaki tersebut. Ia terus koma dan tidak nampak tanda-tanda akan sembuh.

Sebelum meninggalkan wad, wanita dan anaknya akan menadah tangan merayu kepada Allah. Setelah itu mereka meninggalkan hospital dan kembali semula di waktu petang di hari yang sama. Demikianlah rutin harian berlaku pada setiap hari.

Pesakit lain, para kakitangan hospital termasuk doktor merasa hairan dengan wanita dan anaknya yang tidak jemu-jemu datang melawat walaupun tiada sebarang perkembangan baru pada keadaan pesakit.

Apakah yang telah mendorong mereka untuk terus datang melawat dua kali sehari, walaupun pesakit masih tidak sedarkan diri dan koma?

Mereka pernah mencadangkan wanita tersebut agar tidak perlu datang setiap hari. Sebaliknya memadai hanya datang seminggu sekali. Namun wanita itu hanya mengulang-ulang perkataan: "*Allah Al-Musta'an.... Allah Al-Musta'an....*" (Allah sahajalah Tuhan yang dipinta pertolonganNya).

Pada satu hari, sebelum wanita dan anaknya tiba di hospital, kaki lelaki yang sedang koma itu tiba-tiba bergerak-gerak. Badannya juga berbolak-balik dari kanan ke kiri dan juga sebaliknya. Kemudian

89 Kisah ini dinukilkan dari buku لا تياس (La Tay-as), tulisan Ustaz Ahmad Salim Badawilan

ia membuka mata, menanggalkan peralatan oksigen dan duduk tegak di atas katil. Ia kemudiannya memanggil jururawat ketika petugas lain sedang tercengang dengan apa yang berlaku. Lelaki itu meminta jururawat mencabut semua peralatan rawatan bantuan. Namun jururawat enggan melakukannya sebaliknya memanggil doktor yang turut sedang kehairanan. Pemeriksaan segera dilakukan ke atas pesakit tersebut dan mendapati ia berada dalam keadaan yang sihat. Doktor kemudiannya meminta ditanggalkan segala peralatan dan dibersihkan tempat-tempat rawatan di badannya.

Ketika waktu lawatan sudah bermula, isteri dan anaknya pun tiba. Mereka melihat lelaki tersebut dengan linangan air mata bersulam senyuman. Tangisan diiringi dengan doa dan ucapan pujian kepada Allah yang telah menyempurnakan nikmat kesihatan kepada suaminya.

Doktor telah bertanya kepada wanita tersebut: “Adakah puan memang menjangka keadaan seperti ini akan berlaku? Wanita itu menjawab: “Ya. Demi Allah, saya sentiasa menjangkakan suatu hari nanti saya masuk melawatnya dan mendapati ia sedang duduk menanti kami.

Doktor itu membalas: “Sesuatu yang luar biasa telah berlaku. Ia bukan disebabkan oleh hospital atau doktor yang merawat. Puan ceritakan pada saya, kenapa puan datang ke sini dua kali sehari dan apa yang puan lakukan?

Wanita itu menjawab: “Oleh kerana doktor telah bertanya, maka saya akan jelaskan.

Saya datang melawat suami pada kali pertama adalah untuk memantau keadaannya dan mendoakan kesembuhan untuknya. Kemudian saya keluar bersama anak saya menemui orang-orang fakir dan miskin di lorong dan tepi jalan serta bersedekah kepada mereka dengan niat mendekatkan diri kepada Allah agar Dia memberikan kesembuhan kepada suami.”

Ternyata Allah tidak mensia-siakan harapan dan doa wanita itu. Dia meninggalkan hospital pada lawatannya yang terakhir bersama-sama suaminya pulang menuju ke rumah yang telah lama menanti tuannya untuk kembali membawa keceriaan dan kebahagiaan kepada seluruh ahli keluarganya.

Penulis di sini ingin mengulangi pesanan kepada pembaca yang budiman, agar jangan berputus asa. Sebaliknya teruskan berikhtiar dan bersungguh-sungguh dalam berdoa serta bersabar, memperbanyakkan solat dan bersedekah. Hanya kepada Allah sahaja dipinta segala bantuan.

Batu Hempedu Dan Amalan Bersedekah⁹⁰

Seorang bapa mengadu kepada anaknya tentang rasa sakit yang tiba-tiba menyerang tanpa diketahui puncanya. Si bapa menonggeng sambil mengerang kesakitan. Lalu si anak bergegas membawa bapanya berjumpa doktor untuk mengetahui punca kesakitan.

Doktor melakukan pemeriksaan dan keputusannya menunjukkan terdapat batu hempedu di dalam buah pinggang. Ia perlu dikeluarkan melalui proses pembedahan. Kedua bapa dan anak tersebut kembali ke rumah untuk melakukan persediaan pembedahan pada hari yang ditetapkan.

Pada pagi keesokan harinya, si anak keluar menuju ke tempat kerja yang baharu disertainya sejak hampir sebulan yang lalu. Hari tersebut merupakan penghujung bulan di mana para pekerja menerima gaji bulanan. Si anak sangat teruja kerana ini merupakan gaji pertama di tempat kerja yang baharu.

Dalam perjalanan pulang ke rumah, dia terserempak dengan seorang lelaki tua yang miskin dalam keadaan tidak terurus. Kelihatan pada dirinya tanda-tanda keletihan dan tidak bermaya. Si anak berfikir sambil melihat keadaan tersebut. Lalu ia membuat keputusan untuk memberikan semua hasil gaji yang diperolehinya kepada orang tersebut dengan niat dan harapan agar Allah menyembuhkan penyakit bapanya.

Tanpa berfikir panjang, si anak terus mengeluarkan semua gajinya lalu memberikannya kepada orang miskin tersebut. Kemudian si anak pulang ke rumah. Sebaik pintu rumah diketuk, bapanya membuka pintu dengan wajah yang lega dan ceria. Dia berkata kepada anaknya, “Syukur *alhamdulillah* anakku, sebentar tadi ayah merasa sangat sakit, lalu ayah bergegas ke tandas untuk menunaikan hajat, tiba tiba batu hempedu telah keluar bersama najis. Sekarang ayah merasa sangat lega.”

Si anak terus menangis kegembiraan sambil menyebut-nyebut pujian kepada Allah s.w.t.

Benarlah sabdaan Nabi s.a.w: *“Rawatilah penyakitmu dengan bersedekah.”*⁹¹

*Rumah Yang Tidak Pernah Dikunjungi Doktor*⁹²

Pemilik kisah ini menceritakan tentang dirinya. Dia berkata:

“Keluarga kami terdiri dari beberapa orang anak lelaki. Kami tinggal bersama ibu dan bapa dalam sebuah rumah yang sederhana. Keadaan ekonomi keluarga kami ketika itu juga sederhana. Namun kami semua tetap reda dan merasa cukup dengan apa yang Allah berikan kepada kami.

Kami sekeluarga telah bersetuju untuk mewujudkan satu tabung di rumah yang dipanggil sebagai ‘tabung sedekah’. Konsepnya, setiap penghuni di rumah perlu memasukkan derma ke dalam tabung ini pada setiap bulan mengikut kemampuan masing-masing. Kemudian wang yang terkumpul akan dikeluarkan dari tabung dan akan disedekahkan kepada golongan fakir dan miskin.

Pemilik kisah ini menyambung lagi, “apabila salah seorang anggota keluarga ini ditimpa sakit atau berhadapan dengan kesulitan, kami akan sedekahkan wang dari simpanan tabung ini dengan niat kesembuhan untuk pesakit atau diberikan jalan keluar dari kesulitan. Natiujahnya, pesakit akan mendapat kesembuhan dan urusan berkenaan akan dipermudahkan dengan izin Allah.

Katanya lagi, “tidaklah keterlaluan jika saya katakan, rumah kami – *alhamdulillah* – tidak pernah dikunjungi oleh doktor.”

91 As-Sunan Al-Kubra, No. Hadith 6593

92 Kisah ini diceritakan oleh Ustaz Taha Abu Kuraisyah yang menceritakan kisah rakannya.

Sedekah Dan Istighfar Penyembuh Kemandulan

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya.

Atau Dia mengurniakan mereka kedua-duanya - anak-anak lelaki dan perempuan. Dan Dia juga yang menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya: mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa ⁹³.

Ini antara hikmah pada penciptaan Allah s.w.t. Justeru, orang yang beriman hendaklah mengusahakan ikhtiar serta meletakkan kepercayaan kepada Allah. Selain itu, sedekah dan beristighfar juga di antara asbab yang boleh mengundang kesembuhan dari Allah.

Pembaca yang budiman boleh merenung sebuah kisah yang dirakamkan dalam kitab-kitab hadith, antaranya:

Abu Hanifah (w: 150 h) meriwayatkan dalam kitab musnadnya, dengan sanadnya dari Jabir bin Abdullah r.a, bahawa seorang lelaki telah datang menemui Baginda, lalu berkata: "Wahai Rasulullah, aku tidak pernah dikurniakan anak. Nabi s.a.w bersabda: *"Di mana kamu dengan amalan memperbanyakkan istighfar dan memperbanyakkan sedekah? (Lakukan keduanya) kamu akan diberi rezeki kedua-duanya."*

Bermula dari hari itu, lelaki tersebut memperbanyakkan sedekah dan istighfar.

Kata Jabir: "Lelaki itu kemudiannya dianugerahkan 9 orang anak lelaki."⁹⁴

93 Surah Asy-Syura : 49 – 50

94 Musnad Abu Hanifah, No. Hadith 12

